

ASPIRASI FPP

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN, UiTM NEGERI SEMBILAN, KAMPUS SEREMBAN

ISSN 2735-0525

EDISI 2, 2023



**Dari Suri Rumah ke Usahawan:
Kisah Inspirasi Puan Hajah
Padzilah Enda Sulaiman**

**TikTok dalam
Perniagaan di
Malaysia: Menggenggam
Peluang Digital**

**Pengasas Produk dan
Pengilang OEM:
Kerjasama Tembusi Pasaran
dengan Cepat dan Mudah**

**Berniaga di
Usia Persaraan?**

**Usahawan Burger Berjaya:
Dato' Dr Ramly Mokni**

Disediakan oleh: Hilwana Abd Karim

BENGKEL PELAN STRATEGIK 2024 DAN MAJLIS ANUGERAH ASPIRASI 2022-23

Pada 4 November 2023 telah berlangsung Bengkel Pelan Strategik bagi tahun 2024 dan Majlis Anugerah Aspirasi bagi tahun 2022 yang bertempat di Cyberview Resort and Spa, Cyberjaya. Tujuan program ini diadakan ialah menetapkan bidang tujahan KPI FPP Kampus Seremban bagi tahun 2024 dengan merancang aktiviti atau inisiatif program yang perlu dilaksanakan bagi mencapai KPI tersebut.

Program ini turut bertujuan meraikan kejayaan staf FPP yang meraih pelbagai kejayaan pada tahun 2022 dengan menawarkan pelbagai anugerah iaitu Anugerah Sosial dan Anugerah Akademik seperti Anugerah Khas Fakulti, Anugerah Penerima Geran Terbanyak, Anugerah Penulisan dan Penerbitan Terbanyak, Anugerah Kepimpinan, Anugerah Pendidik Digital dan Anugerah Srikandi yang diberikan kepada staf yang telah berjuang untuk pulih dari penyakit kanser dan kembali menyumbang tenaga semula kepada FPP.



